

Mengatasi masalah kekurangan
pakar tempatan

Mahathir seru doktor2 ceburi lapangan dermatologi

KUALA LUMPUR 19 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru kalangan doktor di negara ini menceburi lapangan dermatologi bagi mengatasi masalah kekurangan pakar tempatan dalam bidang itu.

Beliau berkata, lebih ramai pakar dermatologi diperlukan bagi memenuhi keperluan pesakit dan juga untuk memajukan lagi bidang tersebut sesuai dengan keadaan semasa.

Kata beliau, kira-kira sembilan peratus daripada pesakit di hospital-hospital di negara ini mengalami masalah sakit kulit dan keperluan untuk perkhidmatan tersebut amat tinggi.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, pakar-pakar dermatologi tempatan perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam mengarah dan memberi galakan kepada doktor-doktor muda menceburi bidang itu.

Dalam ucapannya di perasmian Persidangan Serantau Mengenai Dermatologi Ke-9 di sini, beliau berkata, galakan tersebut penting bukan sahaja bagi memenuhi keperluan negara tetapi juga untuk meningkatkan kepakaran pakar-pakar tempatan dalam bidang berkenaan.

"Teknologi-teknologi baru seperti penyelidikan dermatologi, teknologi komputer dan teknik pelalian fluorosen menjadikan bidang ini menarik dan mencabar seperti bidang-bidang perubatan yang lain," katanya.

Beliau berkata, kerajaan telah mengenalpasti beberapa perkhidmatan baru seperti fotobiologi dan dermatopatologi bagi memastikan orang ramai menerima rawatan sakit kulit yang lebih berkesan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata lagi, penggunaan bahan-bahan kimia dan persolekan di negara ini

semakin bertambah dan telah menimbulkan berbagai masalah penyakit di tempat kerja dan penyakit kulit sentuhan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, penyakit-penyakit seperti itu boleh diatasi menerusi pengendalian dan penggunaan bahan-bahan kimia secara lebih berhati-hati.

Untuk mengatasi masalah tersebut, beliau berkata, para pengeluar dan pengguna perlu diberi didikan mengenai penguatkuasaan dan penyeliaan tahap keselamatan yang tinggi di tempat kerja dan penggunaan label-label yang sesuai pada barang-barang yang dikeluarkan.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya lebih banyak perbincangan diadakan mengenai masalah dermatologi bagi membolehkan pembasmian, rawatan dan pengawalan penyakit-penyakit itu dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri juga menekankan bahawa program-program rawatan pembasmian perlu dikukuhkan dan ditingkatkan, khususnya dalam mencegah dan mengawal penyakit AIDS.

Beliau menegaskan, langkah yang paling baik mengatasi merebaknya AIDS ialah melalui program-program pencegahan kerana setakat ini ubat-ubat yang mampu mengatasi penyakit tersebut masih belum diperolehi.

Di samping itu, kesedaran di kalangan para doktor mengenai pesakit yang membawa AIDS amat perlu untuk mengelakkan berlakunya penjangkitan penyakit itu secara tidak sengaja.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir lagi, kerajaan telahpun melaksanakan beberapa program mencegah penyakit jantung, hepatitis B, barah dan kencing ma-